## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 10 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | KERAJAAN PERTIMBANG 3 MODEL TINGKAT PENDAPATAN PETANI, DALAM NEGERI, UM -9<br>SATUKAN TANAH, TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH, NEGARA, KOSMO -12<br>KEMBALIKAN RM300 ELAUN SARA HIDUP NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -8<br>KEMENTERIAN MOHON KEMBALIKAN ELAUN RM300 UNTUK NELAYAN, NEWS, MALAYSIA MSN -6<br>FARMERS TO REMAIN AS LANDOWNERS IN CONSOLIDATION PLAN, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -9<br>NELAYAN RUGI, KECEWA, BERITA, BH (UTARA) -70<br>280 NELAYAN KECEWA ISU CEROBOH LAUT, NEWS, HM (UTARA) -27 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15. | GUBAL AKTA PERIKANAN SELESAI MASALAH PENCEROBOHAN, DALAM NEGERI, UM -43<br>TINGKAT KADAR DENDA, KEKANG PENCEROBOHAN NELAYAN ASING, NASIONAL, BH -5<br>RM1.8 JUTA HASIL LAUT DIRAMPAS, SINAR NEGERI UTARA, SH -38<br>MELEDAK DI PARLIMEN, MUKA DEPAN, HM -1<br>SIASAT LAPORAN, SETEMPAT, HM -10<br>IKAN MALAYSIA DI CHO CHA CON CHA, SETEMPAT, HM -11<br>BERATKAN HUKUMAN, SETEMPAT, HM -12<br>MP: GET TOUGH ON FOREIGN FISHING VESSELS, NEWS/NATION, NST -8 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 16.<br>17.<br>18. | SASAR 30 PERATUS PENGURANGAN NILAI SAYURAN IMPORT, NASIONAL, BH -5<br>KURANG IMPORT SAYUR, NEWS, HM (MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN) -26<br>HUGE DEVELOPMENT POTENTIAL IN VEGETABLE PLANTATION, NEWS, NANYANG SIANG PAU (JOHOR) -B1 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 19. | MESYUARAT FOKUS URUS SUMBER AIR, NASIONAL, BH -8 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 20. | CEO: BERNAS TO CONTINUE WITH INNOVATION, NATION, SIN CHEW DAILY -6 | PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS) |
| 21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26. | DUA JAWATANKUASA TELITI AKTA HUKUMAN BERAT NELAYAN ASING, NASIONAL, BH -12<br>CANTUM TANAH FELDA PERLU KAJIAN MENDALAM, NEGARA, KOSMO -10<br>MP SUGGESTED OPEN FIRE AT FOREIGN FISHING BOAT IN INTRUSION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A7<br>STUDY ON LAW AMENDMENTS TO TAKE STERN ACTION AGAINST ILLEGAL FOREIGN FISHERMEN, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A7<br>RM6MIL IN FINES FOR THOSE FOUND TO BE ILLEGAL FISHING IN MALAYSIAN WATERS, NATION, SIN CHEW DAILY -4<br>SUGGESTION TO OPEN FIRE TOWARDS ILLEGAL FOREIGN FISHING BOAT IN INTRUSION, NATION, CHINA PRESS -A4 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Kerajaan pertimbang 3 model tingkat pendapatan petani

**KUALA LUMPUR 9 Julai** - Bagi meningkatkan pendapatan pesawah yang berada dalam kelompok pendapatan isi rumah terendah B40, kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenal beberapa model penyatuan tanah atau mini estet bagi melipatgandakan pendapatan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kesemua model itu bagaimanapun tidak melibatkan pengambilalihan tanah pesawah dan tiada proses perundangan mengenainya.

"Model pertama, tumpuan diberikan kepada lima hektar tanah kepada pesawah cemerlang dengan unjuran pendapatan RM4,000 sebulan. Kedua, menarik penyertaan usahawan muda dengan tumpuan keluasan tanah 50 hektar dan unjuran pendapatan RM15,000 sebulan.

"Ketiga melibatkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), syarikat milik kerajaan (GLC) dan sektor swasta dengan keluasan 200 hektar, 500 hektar dan 1,000 hektar dengan pendapatan lebih RM100,000 ke atas, mengikut kapasiti," katanya sewaktu pertanyaan-pertanyaan lisan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 12 |

# Satukan tanah, tingkat pendapatan pesawah

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan pertimbang untuk memperkenalkan beberapa model penyatuan tanah atau mini estet bagi meningkatkan pendapatan pesawah yang rata-rata berada dalam kelompok pendapatan isi rumah terendah B40.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, sehingga kini, terdapat tiga model terdiri daripada model terkini dan sedia ada yang diperhitungkan bagi tujuan tersebut.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, usaha berkenaan tidak melibatkan pengambilalihan tanah pesawah serta tiada proses perundangan membabitkan tukar milik tanah dan seumpamanya.

"Model pertama, memberikan perhatian kepada lima hektar tanah kepada pesawah cemerlang dengan unjuran pendapatan bersih RM4,000 sebulan. Kedua, menarik penyertaan usahawan muda dengan mengemukakan model 50 hektar tanah dan unjuran pendapatan RM15,000 sebulan.

"Model ketiga akan melibatkan Pertubuhan Peladang Kawasan, syarikat milik kerajaan dan sektor swasta. Model dikemukakan ini mungkin melibatkan keluasan tanah 200 hektar, 500 hektar hingga 1,000 hektar dengan pendapatan lebih RM100,000 ke atas mengikut kapasiti," katanya ketika sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Mukhriz Mahathir (PH-Jerlun)** yang meminta penjelasan kewajaran dasar untuk penyatuan tanah sektor padi bagi meningkatkan pendapatan petani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Kembalikan RM300 elaun sara hidup nelayan

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my


'Turun ke laut, pulang kosong'

KERATAN *Utusan Malaysia* semalam.

■ **KUALA LUMPUR 9 JULAI**

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani diharap dapat mengembalikan elaun nelayan sebanyak RM300 sebulan melalui pindaan Rang Undang-Undang Perikanan 2019.

Ini kerana golongan nelayan merupakan golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan terjamin.

**Tan Sri Noh Omar (BN-Tanjong Karang)** memberitahu, nelayan kini agak tertekan dan pendapatan mereka juga terjejas akibat pencerobohan nelayan asing.


NOH OMAR

Katanya, selain menyokong undang-undang ini, beliau berharap kementerian itu dapat memberi pembelaan kepada nelayan.

"Dahulu, kita bagi nelayan dapat elaun RM300 sebulan. Sekarang, tinggal RM200 sebulan, nelayan mengeluh. Dahulu, untuk rumah, nelayan dapat peruntukan khas. Di Kedah, satu projek perumahan nelayan kita buat, kerana nelayan ini kais pagi makan pagi. Mereka ini tersepit.

"Sekarang, minyak subsidi juga dipotong. Daripada 100 juta liter sebulan kepada 60 juta liter sebulan, ia dipotong. Kita dulu, beri kepada nelayan sebab nak bela nelayan," katanya sewaktu berbahas mengenai pindaan rang undang-undang tersebut dalam Dewan Rakyat hari ini.

Sebanyak 40,000 nelayan di seluruh negara menerima elaun sara hidup sebanyak RM200 sebulan sejak Januari lalu berbanding RM300 pada zaman pemerintahan Barisan Nasional (BN).

Jumlah itu diberikan selepas proses pemutihan yang dilakukan, menurut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

> "Dahulu, untuk rumah, nelayan dapat peruntukan khas. Di Kedah, satu projek perumahan nelayan kita buat, kerana nelayan ini kais pagi makan pagi. Mereka ini tersepit."
>
> **NOH OMAR**

Terdahulu, Salahuddin menafikan elaun sara hidup nelayan serta subsidi kepada petani dihentikan.

Malah tegas beliau, kerajaan memberi jaminan bantuan itu tetap diteruskan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kementerian mohon kembalikan elaun RM300 untuk nelayan | | |
| MediaTitle | Malaysia MSN (www.msn.com/en-my) | | |
| Date | 10 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,050 |

# Kementerian mohon kembalikan elaun RM300 untuk nelayan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat permohonan bagi mengembalikan semula Elaun Sara Hidup (ESH) nelayan kepada RM300 pada belanjawan akan datang.
Menteri Salahuddin Ayub menegaskan pihaknya tidak akan mengabaikan nasib golo...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Farmers to remain as landowners in consolidation plan | | |
| MediaTitle | The Malaysian Reserve | | |
| Date | 10 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Corporate Malaysia | Circulation | 12,000 |
| Page No | 9 | Readership | 36,000 |
| Language | English | ArticleSize | 326 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,016 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,048 |



# Farmers to remain as landowners in consolidation plan

RICE farmers will remain as landowners upon the implementation of the land consolidation policy, said Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub.

The proposal for land consolidation for the rice sector, according to the Direction Priorities and Strategies 2019-2020 of the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, will only involve the consolidation of land management without any takeover or transfer of land ownership.

Salahuddin explained the consolidation concept as a form of land management programme led by an oversight entity that will monitor activities of cultivation, harvesting and marketing of the harvest produced by farmers.

He had likened the management body to a company or a cooperative without disclosing further details.

"Agencies to lead this initiative will be identified later," he told the Dewan Rakyat yesterday.

The minister was responding to a question from Datuk Seri Mukhriz Mahathir (Pakatan Harapan-Jerlun) who queried about the rationale of the land consolidation policy.



The consolidation concept is a form of land management programme led by an oversight entity that will monitor activities of cultivation, harvesting and marketing of the harvest produced by farmers, says Salahuddin

Salahuddin said the consolidation proposal was made to ensure more efficient management of arable lands in Malaysia and create economies of scale for paddy farmers, who are among the lowest income groups in the country.

Salahuddin further emphasised that the main success factor for land consolidation is the acceptance of the farmers and landlords involved.

"The proposed land consolidation is not only with a desire to increase productivity of revenue, but more importantly, the benefit of which is to be achieved by the landlords and farmers involved, as well as the interests of the government itself," he added.

Most farmers own small plots of paddy fields, which makes it difficult to increase productivity and generate income for the farmers.

This also makes it expensive and challenging for the government to provide targeted aid to help the farmers manage their farms better.

"Currently, some of the existing programs under the Agricultural Driven Project, such as the Entry Point Project which will expire in 2020, can be taken as the basis for the implementation of this land consolidation concept," he said.

Salahuddin said the government is also looking at other land consolidation models that have been implemented before deciding on the best way to implement the policy.

Among the considerations that are taken into account are the optimum size of appropriate area; supply and management distribution issues; control of diseases; the use of appropriate machinery and mechanisation; land ownership aspects; industry readiness; and acceptance of farmers and landowners.

Salahuddin said the consolidation model would provide avenues for farmers to benefit from strategic cooperation, direct payments in the form of rental or lease, profit sharing and other similar returns that are still being studied.

"We will engage with farmers and landowners to educate them on implementation of this model," he said.

Salahuddin said the appropriate land area for consolidation is within 100ha to 500ha based on the initial information, as a wider coverage area may affect the implementation's effectiveness.

"Issues such as disease attack, paddy seed supply, agricultural inputs, and the use of mechanisation and automation in a wide area that would make it difficult for precision farming, has to be emphasised in ensuring paddy cultivation according to good agricultural practice," he added.

Powered by: isentia

| Headline | Nelayan rugi, kecewa | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian (Utara) | | |
| Date | 10 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Berita | Circulation | 2,802 |
| Page No | 70 | Readership | 8,406 |
| Language | Malay | ArticleSize | 419 cm² |
| Journalist | Dziyaul Afnan Abdul Rahman | AdValue | RM 9,603 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,809 |



# Nelayan rugi, kecewa

## Pencerobohan pukat tunda, bot siput haram gagal ditangani pihak berkuasa

Oleh Dziyaul Afnan Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my



*Nelayan di Kuala Sungai Bahru menunjukkan pukat rosak teruk akibat tersangkut pada tanah berbukit di dasar laut berikutan penggunaan penangguk siput haram di Kangar, semalam.* [Foto Dziyaul Afnan Abdul Rahman/BH]

**Kangar:** Seramai 250 nelayan di perairan Kuala Sungai Bahru di sini, kecewa dan runsing dengan kelemahan pihak berkuasa menangani masalah pencerobohan bot pukat tunda dan bot siput haram di perairan itu.

Abu Bakar Saad, 63, berkata beliau dan rakan sudah hampir berputus asa untuk meneruskan aktiviti menangkap ikan apabila hampir setiap hari kelibat bot besar yang menggunakan pukat terlarang itu menceroboh kawasan nelayan pantai.

Beliau mendakwa, pencerobohan itu memusnahkan ekosistem dasar laut, termasuk hidupan laut yang kecil, sekali gus mengurangkan jumlah ikan di perairan berkenaan.

Katanya, kehadiran bot pukat tunda dan bot siput haram yang menceroboh kawasan laut kira-kira 3.6 kilometer dari pantai sejak 10 tahun lalu, sudah menjadi satu perkara biasa, meskipun pada hakikatnya, aktiviti itu jelas melanggar undang-undang.

"Apa yang kami kesalkan adalah penguat kuasa undang-undang oleh pihak berwajib begitu lemah dan penceroboh ini seolah-olah tidak takut ketika menceroboh kawasan perairan.

"Pada hal permit menangkap siput reretak seribu umpamanya, hanya dikeluarkan kepada bot kecil dan terhad di kawasan perairan tertentu, ia tidak pernah dikeluarkan oleh pihak berwajib di perairan Perlis," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kuala Sungai Bahru, di sini.

Irwan Shah Abdul Jalil, 40, berkata pencerobohan bot pukat tunda dan bot siput haram di perairan pantai memburukkan lagi keadaan apabila pukat nelayan zon pantai sepertinya sering rosak.

"Mereka menggunakan penangguk besar untuk mengaut siput di dasar laut dan penggunaan penangguk itu mengubah struktur tanah di perairan cetek.

"Setiap kali kami sebagai nelayan zon pantai turun ke laut, pukat yang kami gunakan bagi menangkap ikan, rosak teruk dan bersimpul kerana tersangkut pada tanah yang berbukit dan meninggi di dasar laut.

"Jadi kami sudah tidak larat menanggung kerugian hampir ribuan ringgit setiap bulan, namun pada masa sama, hasil tangkapan ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING), Che Ani Mat Zain, berkata pihaknya sebelum ini sudah bertemu dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bagi mengutarakan masalah yang dihadapi nelayan pantai di wilayah utara Semenanjung.

"Masalah ini timbul apabila penguatkuasaan pihak berwajib di sesuatu kawasan begitu lemah, selain kelemahan akta membabitkan aktiviti perikanan sedia ada untuk memainkan peranan dalam menangani pesalah komuniti nelayan.

"Penceroboh ini kebiasaannya dilakukan nelayan Thailand dan nelayan tempatan yang mengambil kesempatan di atas kelemahan undang-undang sedia ada yang hanya memperuntukkan hukuman denda pada kadar yang sangat minimum tanpa hukuman penjara., jadi ini tidak berkesan kepada pesalah," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 250 nelayan kecewa isu ceroboh laut | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Utara) | | |
| Date | 10 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,701 |
| Page No | 27 | Readership | 14,103 |
| Language | Malay | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,069 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,206 |




# 250 nelayan kecewa isu ceroboh laut

**Kangar:** Seramai 250 nelayan di perairan Kuala Sungai Bahru di sini, meluahkan kekecewaan dengan tindakan penguatkuasaan yang kurang cekap menangani masalah pencerobohan bot pukat tunda dan bot menangkap siput secara haram di perairan itu.

Nelayan, Abu Bakar Saad, 63, berkata, mereka kini tidak bersemangat untuk menangkap ikan apabila hampir setiap hari kelibat bot besar yang menggunakan pukat terlarang menceroboh perairan pantai sehingga memusnahkan ekosistem dasar laut, selain jumlah ikan semakin berkurangan.

Menurutnya, kehadiran bot pukat tunda dan bot siput haram yang menceroboh kawasan laut kira-kira 3.6 kilometer dari pantai sejak 10 tahun lalu sudah menjadi satu perkara biasa walaupun hakikatnya aktiviti itu jelas salah di sisi undang-undang.

"Apa yang kami kesalkan adalah penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berwajib sangat lemah dan penceroboh ini seolah-olah tidak takut.

"Walhal permit menangkap siput retak seribu hanya dikeluarkan kepada bot kecil dan terhad di kawasan perairan tertentu, ia tidak pernah dikeluarkan oleh pihak berwajib di perairan Perlis," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kuala Sungai Bahru di sini.

Bagi Irwan Shah Abdul Jalil, 40, pencerobohan bot pukat tunda dan bot siput haram di perairan pantai nyata memburukkan lagi keadaan apabila pukatnya sering rosak kerana ia sering tersangkut pada struktur tanah di dasar laut yang kian meninggi dan berbukit.

"Mereka menggunakan penangguk besar untuk menangkap siput di dasar laut, penggunaan penangguk secara tidak langsung merubah struktur tanah di perairan cetek.

"Setiap kali kami sebagai nelayan zon pantai ini turun ke laut, pukat yang digunakan rosak teruk dan bersimpul kerana ia tersangkut pada tanah yang berbukit dan meninggi di dasar laut.

"Kami sudah tidak larat menanggung kerugian hampir ribuan ringgit setiap bulan namun pada masa yang sama hasil tangkapan ibarat kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, sebelum ini, pihaknya sudah bertemu dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bagi mengutarakan masalah yang dihadapi nelayan pantai di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 43 |

# Gubal Akta Perikanan selesai masalah pencerobohan

**ARAU 9 Julai** – Akta Perikanan 1985 perlu digubal semula bagi membanteras kegiatan mengaut keuntungan dengan cara menceroboh perairan negara oleh nelayan asing yang semakin rakus.

Presiden Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan-Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, langkah tersebut perlu disegerakan kerana hukuman sedia ada terlalu ringan sehingga tidak mengundang rasa gerun kepada penceroboh yang terus mengulangi kesalahan sama.



CHE ANI MAT ZAIN

Kata beliau, akta sedia ada berkaitan perikanan negara perlu dipinda, bagi memperkenalkan undang-undang yang lebih berat kepada pelaku.

"Jika masih ditangguh, saya risau hasil laut negara akan musnah sehingga tiada apa lagi yang tinggal buat generasi akan datang.

"Ada tangkapan dibuat oleh pihak berkuasa, kompaun yang dikenakan kira-kira RM2,000. Tahan hari ini, esok mereka sudah boleh beroperasi seperti sedia kala dan kembali melakukan pencerobohan lagi," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

*RUU Perikanan (pindaan) 2019*

# Tingkat kadar denda, kekang pencerobohan nelayan asing

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (pindaan) 2019, antaranya bagi meningkatkan kadar denda serta mengekang pencerobohan nelayan asing ke atas perairan negara.

RUU itu diluluskan sebulat suara selepas dibahaskan oleh 32 Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang selepas dibentangkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Salahuddin berkata pindaan itu juga menyaksikan peningkatan denda terhadap nakhoda vesel asing yang menceroboh perairan negara daripada RM1 juta kepada RM6 juta.

Bagi setiap awak-awak pula, denda maksimum dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000 serta memasukkan penalti baharu iaitu denda maksimum RM4 juta bagi kesalahan pencerobohan perairan negara menggunakan vesel tempatan.

Katanya, pindaan itu juga akan memberi kuasa kepada menteri menggubal peraturan berhubung dengan pemantauan, pengawalan dan pengawasan di perairan negara.

Ketika menggulung perbahasan, Salahuddin berkata, Kabinet juga bersetuju supaya Ops Naga diteruskan bagi mengekang aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan tempatan.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat susulan kejayaan Ops Naga yang dilakukan dalam tempoh tidak sampai tiga bulan, berjaya menahan 52 vesel termasuk milik asing dan dihadapkan ke mahkamah.

Katanya, kerjasama antara empat kementerian iaitu kementeriannya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar akan diperhebatkan untuk mengekang pencerobohan perairan negara.

Dalam setiap perbahasan, Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang mahu kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap nelayan asing yang menceroboh perairan negara serta rakyat tempatan yang bersekongkol.

Menjawab desakan itu, Salahuddin berkata beliau akan menggunakan kuasa yang ada untuk memastikan perairan negara tidak diceroboh termasuk meneruskan Ops Naga itu.

"Kalau ekonomi kita pulih, kita akan beli aset lebih banyak untuk kawal keselamatan negara kita. Malaysia juga mengadakan kerjasama dengan negara ASEAN (untuk mengawal pencerobohan nelayan asing)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/7/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI UTARA | 38 |



# RM1.8 juta hasil laut dirampas

## *Tiga bot pukat tunda ditahan di tiga lokasi*

NOOR AINON MOHAMED YUSOF

SITIAWAN

Jabatan Perikanan Perak menahan tiga bot pukat tunda yang berpengkalan di Pantai Remis di tiga lokasi berasingan di sekitar Pulau Talang di sini kelmarin.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh, Mansor Yobe berkata, sebanyak lebih 200 kilogram (kg) hasil tangkapan laut dengan nilai keseluruhan RM1.8 juta turut dirampas.

Menurutnya, kesemua bot ditahan di kedudukan sekitar 10 batu nautika dari Pulau Talang pada jam antara 9.30 pagi hingga 11 pagi itu.

"Pemeriksaan lanjut mendapati ketiga-tiga bot tunda Zon C berkenaan telah melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari pantai," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut mendapati tiga pekerja terbabit tidak mempunyai permit penangkapan ikan nelayan asing.

"Sembilan kru warga Thailand yang berusia antara 26 hingga 66 tahun turut ditahan. Bagaimanapun kesemua kru bot telah dijamin oleh majikan masing-masing," katanya.

Katanya, kesemua bot ditunda ke Jeti Cawangan Perlindungan Sumber Kampung Acheh untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.



Lebih 200kg hasil tangkapan dirampas daripada tiga bot nelayan kelmarin.



Bot pukat tunda yang dikendalikan kru warga Thailand ditahan selepas didapati melanggar syarat sah lesen di Sitiawan kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 11 |





TINJAUAN Skuad Khas Harian Metro di Pasar Basah Cho Ca Con Cha.

# Ikan Malaysia di Cho Ca Con Cha

**Phan Thiet (Vietnam):** "Ini ikan dari Malaysia," demikian pengakuan selamba seorang kru bot nelayan Vietnam yang baru mendaratkan hasil laut di pasar basah Cho Ca Con Cha di sini.

Pengakuan kru bot mengejutkan wartawan yang baru selesai melakukan tinjauan di pasar berkenaan sejak jam 5 pagi, iaitu pada hari kedua dalam misi mencari bukti dan menjejak aktiviti pencerobohan serta kecurian hasil laut Malaysia oleh nelayan Vietnam.

Dengan bantuan warga tempatan, wartawan menghampiri kru bot terbabit sebelum bersembang secara santai bagi mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai aktiviti pencerobohan berlaku.

"Saya bawa ikan Malaysia, bot lain (yang mendarat) ada dari Thailand," katanya ketika menerangkan lokasi penangkapan ikan akan ditentukan oleh tauke (pemilik) bot manakala kru kapal sepertinya hanya mengikut haluan tekong saja.

Katanya, agihan jualan hasil laut adalah 40 peratus kepada pemilik bot, 30 peratus tekong dan 30 peratus lagi dibahagikan dalam kalangan kru.

Pemerhatian wartawan mendapati lokasi pasar Cho Ca Con Cha amat strategik kerana terletak bersebelahan jeti pendaratan ikan.

Wartawan menghabiskan masa selama tiga jam di lokasi berkenaan yang dianggarkan berkeluasan hampir sama dengan Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang.

Jeti bersebelahan pasar pula dipenuhi sekurang-kurangnya 200 bot nelayan yang sedang berlabuh, manakala kru sibuk memunggah hasil tangkapan untuk dijual.

Penjual ikan di pasar berkenaan mendakwa, mereka sememangnya bergantung kepada bekalan ikan dari luar Vietnam kerana hasil laut tempatan sudah tiada.

"Tanpa hasil laut luar, kita tidak boleh berniaga," katanya sambil memberitahu, ikan didaratkan akan dijual kepada peraih untuk pasaran tempatan.

Dia mengakui tidak tahu sama ada ikan yang ditangkap nelayan tempatan di perairan diceroboh turut dieksport ke negara lain.

"Apa yang saya tahu, di sini kami jual secara pukal dan urus niaga secara kecil-kecilan tidak dibenarkan," katanya.

Dalam perkembangan sama, wartawan melakukan tinjauan di jeti pendaratan ikan di Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu untuk melihat sendiri keangkuhan nelayan Vietnam mendaratkan ikan tanpa bimbang kegiatan dihidu pihak berkuasa walaupun menggunakan bot klon.

Nelayan tempatan, mahu dikenali sebagai Jusoh berusia 60-an, mengakui aktiviti pencerobohan bermula sekitar 2013 dan semakin serius beberapa tahun kebelakangan seakan tiada penguatkuasaan dijalankan pihak berkuasa.

"Secara terang-terangan struktur bot digunakan nelayan Vietnam sebenarnya dibuat di negara berkenaan namun diklon menggunakan nombor pendaftaran dikeluarkan pihak berkuasa negara ini.

"Namun, mereka tidak bimbang untuk mendaratkan ikan di jeti berkenaan atau pemeriksaan dijalankan pihak berkuasa kerana mempunyai dokumen lengkap seperti lesen dan buku pelaut," katanya yang memiliki pengalaman sebagai nelayan selama 40 tahun.

Wartawan dimaklumkan, bot nelayan Vietnam hanya mendaratkan ikan baja dan tangkapan berkualiti rendah memandangkan itu antara syarat yang perlu dipatuhi semata-mata membolehkan mereka mendapatkan bekalan bahan bakar.

Jusoh berkata, dia sendiri pernah menguruskan kru bertugas di bot Vietnam menggunakan lesen pengusaha tempatan dan dibayar hingga RM8,000 sebulan.

"Saya cuci tangan selepas menyedari hasil laut semakin berkurangan, tak tahu apa nak cakap bila dengar keluhan rakan nelayan tempatan berikutan hasil tangkapan merudum.

"Kemudian saya kembali menjadi nelayan, memang benar dakwaan rakan-rakan pendapatan tidak menentu ekoran hasil laut sudah semakin berkurangan.

"Kalau pencerobohan berterusan saya anggarkan tiga tahun lagi laut kita boleh diibaratkan macam padang jarak, padang terkukur, mungkin ketika itu ikan sudah tidak ada lagi," katanya.

Tinjauan kemudian dilakukan wartawan di jeti Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan yang menjadi antara lokasi pendaratan ikan popular bot nelayan Vietnam.

Hasil pemerhatian selama tiga jam di kawasan berkenaan mendapati nelayan Vietnam bebas keluar masuk ke kedai runcit berhampiran untuk membeli barang keperluan walaupun tidak menggunakan pasport.

Untuk rekod, nelayan Vietnam menggunakan buku pelaut dan sepatutnya tidak dibenarkan keluar dari jeti, bagaimanapun, mereka bebas bergerak meninggalkan kawasan berkenaan.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 12 |

**KOMPLOT KLON BOT**

# Beratkan hukuman


Skuad Khas Harian Metro
_am@hmetro.com.my


**Kuala Lumpur**

Peruntukan undang-undang di bawah Jabatan Perikanan dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bakal dipinda bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan kepada nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yasin berkata, tindakan lebih agresif perlu dilakukan bagi menangani kes pencerobohan nelayan asing yang masih berlaku biarpun pelbagai penguatkuasaan dilakukan pihak berkuasa.

"Saya pun menyedari hakikat bahawa tindakan yang sudahpun kita ambil berkesan juga dengan jumlah kes-kes semakin meningkat dan bertambah tetapi ada penurunan jika dibandingkan sebelum operasi dijalankan.

"Ada dua jawatankuasa utama yang menjalankan operasi dipimpin Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan satu lagi jawatankuasa mengenal dasar dan perundangan kerana didapati antara masalahnya tindakan serta hukuman dikenakan kepada mereka yang terbabit tidak begitu berat.

**FAKTA**

*Pertimbang tambah aset lebih besar bagi perluas penguatkuasaan pihak berkuasa ke laut dalam*

"Disebabkan itu, kajian dibuat jawatankuasa ini untuk meneliti undang-undang yang utama di bawah Jabatan Perikanan dan Jabatan Imigresen.



MUHYIDDIN

"Jika perlu dipinda dan dibawa ke sini (Dewan Rakyat) untuk mengenakan tindakan dan hukuman lebih berat, akan kita laksanakan," katanya menjawab soalan tambahan RSN Rayer (PH-Jelutong) pada sesi Waktu Pertanyaan Lisan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Rayer bertanya adakah kerajaan bercadang mengambil tindakan agresif seperti China bagi menangani isu pencerobohan ini.

Muhyiddin berkata, kerajaan juga mempertimbangkan penambahan aset lebih besar bagi memperluaskan penguatkuasaan pihak berkuasa ke laut dalam.

"Keduanya menambah aset-aset yang agak besar yang boleh sampai laut dalam. Sekarang ini, kita bekerjasama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kerana mereka ada kapal agak besar supaya dengan cara itu kita dapat mengesan kes-kes ini (pencerobohan) lebih meluas lagi," katanya.

